

## 50 pekerja Hunai Jaya Resources dirai dalam Progam Hari Keluarga

LABUAN: Kira-kira 50 pekerja Hunai Jaya Resources Sdn. Bhd. diraikan dalam satu Program Hari Keluarga yang diadakan di pantai Pancur Hitam Pohon Batu, di sini pada Ahad.

Program yang julung kalinya diadakan itu bertujuan memupuk ukhuwah dalam kalangan pekerja dan pengurusan.

Selain itu ia juga bertujuan untuk menghargai peranan dan sumbangan pekerja yang telah berjaya meningkatkan prestasi dan imej syarikat.

Pelbagai aktiviti telah diadakan seperti acara sukaneka keluarga senam robik dan cabutan tiket bertuah.

Hadir sama pada program itu, Pengarah Syarikat Hunai Jaya Resources Sdn. Bhd. Rasyid Mawang serta beberapa pengurus kanan di

syarikat itu.

Terdahulu, Rasyid dalam ucapan aluannya, menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua kakitangan dan pekerja yang telah memberikan komitmen yang tinggi sehingga di percayai oleh pelanggan.

"Kita berharap prestasi yang baik ini akan dapat dikekalkan dan yang lebih penting kerjasama dan persefahaman dikalangan pekerja dan pihak pengurusan perlu menjadi keutamaan untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang," katanya.

Syarikat Hunai Jaya Resources merupakan syarikat kontraktor yang berkaitan minyak dan gas milik anak tempatan sepenuhnya. **-OLEH JAIN-UDIN DJIMIN**



RASYID (duduk tengah) bersama staff yang hadir bersama Program Hari Keluarga yang diadakan di Pancur Hitam Pohon Batu, pada Ahad.